

18 Jun. 30/10/09
p.1

Kaum Penan beruntung – Ezra Uda

WILLIAM CHAN

KUCHING, Khamis – Kaum Penan wajar berterima kasih kerana nasib mereka mendapat perhatian tulus dari banyak pihak.

Inilah pandangan Ezra Uda (gambar), yang merupakan graduan pertama dari kaum itu ketika ditemubual dalam siaran langsung ke seluruh negara dalam rancangan "Hello On Two" RTM TV2 pagi tadi.

Ezra, 31, lulusan Sains Sosial dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), berkata Kerajaan Negeri Sarawak dan ramai pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta beberapa individu amat prihatin terhadap nasib kaum yang cuba menyesuaikan diri untuk berhenti mengamal cara hidup berpindah-randah.

"Kebanyakan kami sudah sedar betapa pentingnya pendidikan," katanya.

Beliau memberitahu kelompoknya telah dibawa oleh bapanya berhenti berpindah-randah sejak akhir tahun



1950-an lagi dan menetap di Long Lamai dalam daerah Baram.

Hasil pertolongan ramai pihak, dan atas kesedaran ibu bapa beliau, Ezra telah berjaya melanjutkan pengajian tinggi di UNIMAS pada 2003 kini beliau menjawat jawatan Penolong Pengarah di Pejabat Ketua Menteri di sini.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Kaum Penan beruntung – Ezra Uda

DARI MUKA 1

Ketika diminta menyampaikan pesan dalam bahasa Penan dalam rancangan Hello On Two, Ezra menyeru kaumnya agar bekerjasama dengan semua kaum lain "demi mempertingkatkan corak hidup kita."

Ezra dibawa ke program itu oleh James Ritchie yang merupakan seorang wartawan yang sudah bersara dan sudah menyiapkan sebuah dokumentari berjudul "Tribes In Transition" yang bakal disiarkan di RTM TV1 pada 1 November 2009 jam 9 malam.

Dalam rancangan Hello On Two pagi tadi Ritchie menerima pujian dari seorang penonton Francis Wu atas keprihatinan Ritchie terhadap nasib kaum Penan dengan banyak men-

getengahkan nasib kaum itu dalam tulisan beliau.

Ritchie, anak kepada mantan Pesuruhjaya Polis Sarawak, berasal dari Pulau Pinang tetapi telah menetap di Sarawak sejak 45 tahun lepas.

Katanya, beliau melihat kaum Penan wajar diketahui oleh semua warga negara Malaysia bersesuaian dengan gagasan konsep Satu Malaysia yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Ritchie ditanya tentang di mana Bruno Manser yang pernah gempar dengan menghebohkan masalah Penan suatu ketika dahulu. Menurut Ritchie Manser menghilangkan diri di Batu Lawi dan sehingga kini nasibnya belum diketahui.